

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JAN 2015

Najib doa Nik Aziz cepat sembuh

» Perdana Menteri berharap Murshidul Am PAS dikurnia kesihatan baik

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mendoakan agar Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, segera sembuh selepas mendapat rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan, sejak Isnin lalu.

“Semoga Datuk Nik Abdul Aziz dikurniakan kesihatan oleh Allah SWT dan cepat sembuh dan diberi sebaik kesihatan oleh Allah SWT,” katanya di dalam catatan terbaharu di laman Facebook dan Twitter miliknya, semalam.

Tahap kesihatan menurun

Nik Abdul Aziz, 84, dimasukkan ke HUSM pada Isnin lalu berikutan tahap kesihatannya yang menurun sejak banjir besar melanda Kelantan bulan lalu, selain menghidap kanser prostat.

Di **Kota Bharu**, anak Nik Abdul Aziz, Nik Mohamad Abduh, yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas, ber-



Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V **membaca doa ketika melawat Nik Aziz** yang dirawat di Wad 2 Delima, Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian malam kelmarin. [FOTO IHSAN PEMBACA]

kata bapanya sudah lama menghidap kanser prostat, iaitu sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13.

Reaksi lebih baik

Katanya, setelah mendapat rawa-

tan termasuk kemoterapi, bapanya menunjukkan reaksi lebih baik dan semakin positif.

“Awal pagi tadi (semalam), bapa menunjukkan tindak balas positif, berbual dengan doktor me-

ngenai kesihatannya dan perkembangan rawatan.

“Rawatan rapi akan terus dilakukan bagi memastikan kesihatan bapa pulih sepenuhnya,” katanya.